

CNS0380

R GR 30-05 00157 R429

REPRAT RAH

Mahathir - Jambatan

PASTR MAS, 30 Mei (Bernama) -- Rakyat perlu mengasingkan soal politik daripada soal pembangunan kerana dengan berhua demikian mereka akan memperoleh faedah yang lebih hasil terlaksananya sesuatu projek pembangunan itu, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, Kerajaan Persekutuan sentiasa memberikan bantuan secara ikhlas dan tidak pernah bernial jahat terhadap sesiapaupun serta sentiasa memberi keutamaan kepada soal kepentingan rakyat.

+Kita memberi bantuan kepada rakyat di Kelantan, Kedah dan Perlis kerana ini menjadi langungjawab kerajaan, + katanya pada majlis perasmian Jambatan Pasir Mas - Salor di sini hari ini.

Beliau menjelaskan, sebab itulah Kerajaan Pusat mengeluarkan bantuan wang yang banyak untuk membantu rakyat termasuk di negeri Kelantan.

Sambil menyatakan kekhimbangannya bahawa soal pembangunan akan dijadikan isu politik, Perdana Menteri menegaskan bahawa oleh kerana kerajaan telah diherikan kepercayaan oleh rakyat untuk memerintah maka adalah menjadi langungjawab kerajaan untuk membangunkan rakyat. -- Lagi.

♥30/05/15-18MST

CNS0374

II GR 30-05 00169 RA188

RAH

Mahathir - Jambatan 2 Pasir Mas

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, cukai dan zakat yang dipungut daripada orang-orang kaya diagih-agihkan kepada rakyat miskin.

Beliau berkata, ini termasuklah belanja bagi membiayai jambatan ini yang wangnya datang daripada bantuan rakyat yang kaya, dari seluruh negara termasuk dari Kelantan juga.

Mengenai Wawasan 2020, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan memandang jauh ke depan dan akan berusaha untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju selanding dengan negara-negara maju seperti Jepun dan Amerika Syarikat dan negara Eropah yang lain.

Beliau berkata, untuk mencapai matlamat itu, kerajaan perlu merancang dengan baik manakala rakyat perlu berusaha bersungguh-sungguh ke arah memajukan kejayaannya.

Datuk Seri Dr Mahathir menjelaskan bahawa adalah tidak mustahil bagi Malaysia membina kapal terbang, jika negara dan rakyat terus berusaha.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Besar, Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat, Menteri Relia dan Sukan, Senator Haji Annuar Musa dan bekas Menteri Besar, Tan Sri Mohamed Yaacob. -- Bernama.